

28 DEC 1996

Mahathir-Muhammad

MB: MAHATHIR PEGANG PRINSIP "TAK BERSALAH SEBELUM TERBUKTI"

LANGKAWI, 28 Dis (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata beliau menganggap seseorang itu tidak bersalah sehingga dibuktikan berhubung kes Menteri Besar Selangor Tan Sri Muhammad Muhiyuddin Taib yang telah dihadapkan ke mahkamah Australia kerana gagal mengisytiharkan wang yang nilai bersamaan RM2.4 juta.

"Saya berpegang kepada prinsip seseorang itu tidak bersalah sehingga dibuktikan," katanya kepada pemberita di sini apabila diminta mengulas mengenai kes itu.

Perdana Menteri berkata beliau sedang menunggu laporan daripada Muhammad dan setakat ini Menteri Besar itu belum menghubunginya secara langsung.

"Muhammad cuba menghubungi saya tetapi belum dapat bercakap dengan saya," katanya.

Ditanya mengenai dakwaan yang mengaitkan duit itu dengan pemilihan UMNO Oktober lepas, Dr Mahathir berkata beliau hendak meneliti perkara yang sebenarnya dahulu sebelum membuat ulasan.

Ahad lepas, Muhammad yang sedang bercuti sejak Dis 16 ditahan di Lapangan Terbang Brisbane sebelum menaiki kapal terbang ke New Zealand kerana didakwa gagal mengisytiharkan mata wang Malaysia, Singapura dan New Zealand.

Beliau dihadapkan ke mahkamah majistret Brisbane pada Isnin bagi menghadapi tuduhan mengikut Akta Laporan Transaksi Kewangan yang menyatakan setiap pelawat asing hendaklah mengisytiharkan wang yang dibawanya jika melebihi A\$5,000 (RM10,000).

Tiada pengakuan dicatatkan dan Muhammad, yang mengikat jamin atas namanya sendiri, dikehendaki menghadiri mahkamah pada 21 Mac tahun depan.

Dr Mahathir berkata beliau tidak akan membuat sebarang kesimpulan sehingga mendapat bukti yang sah tentang tuduhan itu.

"Saya tidak suka buat tuduhan sehingga saya mendapat bukti yang jelas. Itu prinsip saya...untuk siapapun itulah pegangan saya."

Perdana Menteri berkata beliau setakat ini hanya menerima laporan daripada Ketua Setiausaha Negara Datuk Abdul Halim Ali mengenai kes itu.

"Cara yang paling baik ialah saya mendapat laporan sendiri daripada pihak berkenaan."

Dr Mahathir berkata keputusan hanya akan dibuat selepas beliau berpuas hati dengan penjelasan yang diberikan oleh Muhammad.

Katanya beliau ingin terlebih dahulu mengetahui sebab sebenarnya dan sekiranya mendapati ada perkara yang harus diadili oleh pihak tertentu, beliau akan tunggu sehingga perkara itu diadili.

Perdana Menteri berharap isu tidak dieksploitasi oleh pihak berkepentingan dan menasihati orang ramai supaya menunggu keputusan sama ada Muhammad bersalah ataupun tidak.

"Kalau dia bersalah, kita tidak akan sokong," katanya.

Dr Mahathir berkata beliau juga perlu meneliti tuduhan yang mengaitkan wang itu dengan pemilihan UMNO lepas.

Ketika ditanya sama ada beliau kecewa dengan kejadian itu, Dr Mahathir berkata beliau perlu tahu perkara sebenar "sebelum saya nak kecewa ataupun tidak".

"Saya nak tahu apa tujuannya (bawa wang tunai RM2.4 juta) ... lepas itu kalau saya nak kecewa, saya akan kecewa."

Mengenai kemungkinan wang itu ialah untuk belanja Muhammad membeli belah semasa di luar negara, Dr Mahathir: "Tak tahulah dia nak beli apa dan

nak belah apa.

"Kena tahu daripada dia sendiri apa dia nak beli dan apa dia nak belah."

Perdana Menteri berkata tidak semua orang tahu tentang peraturan sesebuah negara asing berkaitan dengan membawa masuk wang tunai.

Katanya peraturan itu sepatutnya dihebahkan baik melalui akhbar mahupun dalam penerbangan seperti juga Penerbangan Malaysia menghebahkan mengenai hukuman gantung bagi mereka yang didapati membawa dadah masuk ke negara ini.

"Rupa-rupanya di negara-negara yang mahu orang bebas bergerak ke sana sini rupanya tidak boleh bawa duit banyak," kata Dr Mahathir.

-- BERNAMA

MT MFJ MAI